

1.1. PENDAHULUAN

NATO atau *North Atlantic Treaty Organization* merupakan pertubuhan ketenteraan yang diwarisi sejak perang Dingin bagi tujuan mengimbangi pengaruh Komunis yang semakin berleluasa ke Eropah pada masa tersebut. Oleh itu, negara-negara Eropah lain yang agak tergugat melihat keadaan ini memulakan inisiatif yang didokong oleh Amerika Syarikat untuk menubuhkan sebuah pertubuhan ketenteraan dengan tujuan memperkuat semula Eropah daripada diancam oleh mana-mana kuasa luar terutamanya Soviet Union.

Pertubuhan Atlantik Utara atau *North Atlantic Treaty Organization* (NATO) telah ditubuhkan pada 4 hb. April 1949, iaitu setelah North Atlantic Treaty ditandatangani di Washington oleh dua belas buah negara ahli iaitu Belgium, Kanada, Denmark, Perancis, Jerman Barat, negara Greek, Iceland, Itali, Portugal, Turki, Britain dan Amerika Syarikat. NATO mempunyai struktur organisasi yang tetap dan ibu pejabatnya yang tetap di Brussels.

Sistem keselamatan Eropah telah mengalami satu perubahan yang besar terutama selepas tamatnya Perang Dingin. Konteks keselamatan Eropah kini bukan sahaja berasaskan kepada soal-soal yang berkait dengan ketenteraan malah selepas tamatnya Perang Dingin ia melambangkan satu perubahan besar dalam sistem keselamatan

antarabangsa iaitu tamatnya pertentangan timur-barat yang membelenggu sistem keselamatan dunia semasa Perang Dingin. Eropah kini berhadapan dengan masalah-masalah keselamatan yang bukan bersifat konvensional seperti masalah etnik, jenayah merentasi sempadan, pengganas, penyeludupan, konflik agama, peradaban dan sebagainya. Namun dalam masa yang sama ancaman konvensional juga masih wujud terutamanya apabila memperkatakan tentang kewujudan negara-negara serpihan Soviet seperti Rusia dan beberapa negara lain. Ini merupakan satu perkara yang perlu dilihat dengan teliti kerana ianya mempunyai kemungkinan untuk menjadi kuasa-kuasa yang besar terutamanya apabila negara-negara ini mempunyai simpanan senjata yang besar kesan daripada pemecahan empayar terakhir dunia iaitu Soviet.

1.1.1. Konsep Keselamatan

Konsep keselamatan merupakan unsur penting yang tidak dapat dipisahkan apabila membincangkan tentang keselamatan dalam NATO. Namun, seringkali menjadi pertanyaan dan menjadi perdebatan yang berterusan tentang apakah definisi keselamatan, siapakah yang harus diselamatkan samada individu ataupun negara dan sebagainya. Keadaan-keadaan yang berlaku inilah yang sering kali menjadi persoalan apabila memperkatakan tentang keselamatan.

Semasa Perang Dingin, konsep keselamatan sering dirujuk sebagai ancaman kepada penduduk, negara atau pemerintah. Namun, tamatnya Perang Dingin menyebabkan beberapa sarjana cuba meluaskan konsep ini.

Konsep keselamatan tradisional yang menekankan soal ketenteraan, sempadan, kedaulatan dan konsep negara yang digunakan secara meluas semasa Perang Dingin kini dicabar oleh beberapa konsep baru keselamatan. Kumpulan ini menyatakan bahawa konsep keselamatan perlu didefinisikan semula dengan memberi tumpuan kepada konflik serta kebimbangan dan bukannya peperangan antara negara seperti yang digunakan secara meluas semasa Perang Dingin. Ini adalah bertepatan dengan kenyataan Buzan bahawa, negara yang menjadi pelindung rakyatnya juga sering menimbulkan rasa takut dan tidak selamat kepada penduduknya sendiri.¹

Hasilnya munculah beberapa pendekatan baru dalam konteks keselamatan. Sesetengahnya melihat konsep ini sebagai 'keselamatan menyeluruh' dengan menekankan bahawa '*Human Security*' sebagai asas perbincangan. Ia merujuk kepada perlindungan manusia dari ancaman yang bersifat universal. Misalnya peristiwa di Kosovo yang perlu dilihat sebagai tanggungjawab semua negara bagi mengelakkan konflik ini melimpah ke negara lain. Dengan kata lain, kumpulan ini menolak kepada keselamatan sempadan yang banyak digunakan sebelum ini.²

Barry Buzan dan beberapa sarjana lain pula menyatakan bahawa keselamatan perlu dilihat daripada perspektif ekonomi, persekitaran, ketenteraan, politik dan keselamatan masyarakat.

¹ Barry Buzan, People, States and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War era, (Edisis Ke-2), Harvester Wheatsheaf, 1991

² Steve Smith, The Contested concept of Security, Institute of Defence and Strategic Studies, Singapore, 2002.

Selain itu, sesetengah melihat keselamatan daripada sudut pembebasan penduduk daripada perasaan takut, terancam dan sebagainya dalam membuat sesuatu. Dengan perkataan lain ianya menekankan kepada konsep '*freedom from fear*' yang banyak diamalkan di Barat.³

Namun, dalam hal ini, apabila membincangkan tentang pertubuhan NATO dan keselamatan Eropah selepas Perang Dingin, pengkaji lebih cenderung menggunakan pendekatan yang bersifat 'keselamatan menyeluruh'. Ini kerana, adalah menjadi dasar NATO untuk memastikan segala peristiwa yang berlaku tidak akan menimbulkan sebarang masalah kepada negara di Eropah. Oleh itu, keselamatan menyeluruh dalam konteks Eropah Pasca Perang Dingin ditafsirkan sebagai konsep keselamatan tidak terbatas kepada pertahanan dan serangan luar sahaja. Keselamatan dalam persekitaran baru ini juga merangkumi kemajuan ekonomi dan teknologi sesebuah masyarakat dalam menentukan pembentukan pakatan dengan kuasa-kuasa besar. Dalam hal ini Amerika Syarikat bertindak sebagai tunggak kuasa besar dalam NATO dan mempunyai kekuatan yang lebih berbanding dengan Soviet Union. Oleh kerana itulah negara-negara Eropah Barat dan Amerika lebih terjamin dan selamat.⁴

³ Armitav Acharya, *Human Security: East Versus West*, Intitute of Defence and Strategic Studies, Singapore, 2001.

⁴ Stephen, M. Walt *The Origins Of Alliances*, New York 1987

1.2. PENYATAAN MASALAH

NATO masih lagi relevan dalam konteks keselamatan Eropah Pasca Perang Dingin. Walaupun pembentukannya pada 1949 disebabkan oleh ancaman Soviet Union dan kini ancaman itu tiada lagi, Eropah masih berhadapan dengan cabaran terhadap keselamatan dan kestabilan politik. NATO perlu untuk menangani masalah-masalah ini dan membantu dalam pembinaan semula Eropah. Untuk menjelaskan peranan dan keperluan NATO dalam menjamin keselamatan Eropah dalam Pasca Perang Dingin contohnya konflik etnik yang berlaku di Bosnia Herzegovina. Selain daripada itu NATO relevan dalam mengawal kebangkitan semula Rusia dan Jerman dari mempertingkatkan keupayaan ketenteraannya

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji mempunyai beberapa objektif dalam menjalankan kajian ini antaranya ialah:-

- a) Menentukan faktor-faktor yang mengubah peranan NATO dalam era Pasca Perang Dingin.
- b) Menentukan penglibatan NATO dalam konteks Eropah baru.
- c) Mengkaji beberapa kes tertentu mengenai keberkesanan NATO dalam menjamin keselamatan Eropah Pasca Perang Dingin.
- d) Merumuskan keberkesanan peranan NATO selepas era Perang Dingin

1.4. METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjayakan kajian ini, kaedah kajian sekunder iaitu kajian menerusi buku-buku rujukan dan majalah-majalah digunakan. Dalam kajian ini, penggunaan kemudahan perpustakaan utama dan perpustakaan majalah, Universiti Malaya, Perpustakaan ISIS, Perpustakaan INTAN, Perpustakaan Maktab Pegawai Kanan Polis dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia bagi mendapatkan buku-buku rujukan dan majalah-majalah dalam negara serta luar negara.

1.5. BATASAN KAJIAN

Lazimnya setiap kajian memerlukan sumber kewangan, bahan-bahan rujukan dan lain-lain sumber kajian. Permasalahan kajian ini dalam mengetahui sebab penubuhan NATO dan keselamatan Eropah amnya harus mengkaji dari kesan Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua yang mana ia merupakan asas dalam penulisan tentang pengaruh Soviet Union. Kajian juga dijalankan berasaskan kepada sumber rujukan sekunder dan bukannya sumber primer. Ini adalah disebabkan pihak yang terlibat dengan NATO merupakan pakatan Eropah yang tidak ada pihak berwibawa tempatan boleh dirujuk sebagai sumber primer. Maka oleh itu kajian adalah lebih kepada rujukan buku-buku dan majalah-majalah.

1.6. ULASAN KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai keadaan keselamatan Eropah dan selepas perang dunia kedua adalah terhad. Aspek ini hanya dilihat sebagai sebahagian kecil di dalam penulisan yang sedia ada. Di samping itu penulisan berkaitan dengan keselamatan Eropah sering tidak di pandang penting oleh pengkaji-pengkaji di rantau ini. Kajian-kajian yang sedia ada sebaliknya hanya melihat aspek-aspek keselamatan Eropah dan peranan NATO selepas peperangan dunia kedua iaitu sebelum peperangan dingin berlaku. Fokus tentang keselamatan Eropah dalam era tamatnya Perang Dingin adalah berubah dan ianya dibuat secara umum. Kajian ini akan memberi pandangan dalam perspektif semasa dan selepas Perang Dingin secara lebih terperinci dan teratur.

Gentfrey Lee Williams & Alan Lee Williams (1986)⁵ menyatakan bahawa kemungkinan untuk memperkuatkan keselamatan Eropah dan peranan NATO dalam menentukan tahap-tahap tertentu daripada sumber Eropah. Jerman akan bangkit sebagai sebuah kuasa nuklear yang mungkin boleh mengancam keselamatan Eropah. Dalam peraturan NATO, dinyatakan batasan-batasan negara-negara Eropah dalam membangunkan kuasa nuklear.

Artene Idol Broadhurst (1982)⁶ membincangkan bahawa NATO memainkan peranan penting dalam menangani masalah ancaman Soviet Union semasa Perang

⁵ Gentfrey Lee Williams & Alan Lee Williams, The European Defence Initiative, Macmillan 1986 hlm 29

⁶ Artene Idol Broadhurst, The Future Of European Alliance System, US : Westview Press 1982

Dingin. Ini menunjukkan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh NATO semasa era Perang Dingin.

Dalam artikel bertajuk “public opinion and Alliance Strategic Review **Jilid xv**, winter (1978)⁷ menjelaskan bahawa penubuhan ahli pakatan NATO yang mempunyai pelbagai perbezaan termasuk politik, ekonomi dan polisi melihat elemen-elemen kesepaduannya yang terjalin di antara negara-negara Eropah Barat sehingga menjadikan NATO kukuh sehingga sekarang.

Generald Robert Close (1983)⁸ merumuskan bahawa NATO memainkan peranan yang penting dalam menentukan konsep keselamatan Eropah terhadap Amerika Syarikat. Konsep keselamatan haruslah dilihat dari segi ekonomi, politik dan keselamatan masyarakat ini dikatakan keselamatan menyeluruh.

F.W Mulley MP (1962)⁹ pula melihat NATO dibina bagi memastikan terdapatnya kesinambungan dari segi kepakaran dalam bidang ketenteraan iaitu melakukan pengujudan pusat-pusat latihan ketenteraan. Selain itu beliau turut menjelaskan struktur ketenteraan NATO dan peranan dalam kawalan dan perintah bagi menjadikan NATO lebih tersusun dalam tindakannya.

⁷ Gregory D. Foster, 'Public Opinion and Alliance: Strategic Review, Jilid xv. Winter 1987

⁸ Generald Robert Close, Time For Action, Great Britain : Brassey 's Publishers Limited , 1983

⁹ F.W. Mulley MP , Politics Of Western Defense , London Thames & Hudson 1962.

Menurut Stephen M. Walt (1987)¹⁰ dalam bukunya *The Origins of Alliances* menjelaskan tentang negara-negara pakatan (NATO) mengujudkan imbalan terhadap ancaman Soviet Union. Beliau juga menekankan kepentingan Amerika Syarikat dalam mengukuhkan pakatan NATO.

Robert Enchcott Osgand (1962)¹¹ menekankan bahawa penubuhan NATO di Eropah adalah berasaskan kepada sistem demokrasi di mana hak asasi adalah mengikut undang-undang antarabangsa.

Sir Bernard Burrows (1972)¹² pula membincangkan tentang NATO memainkan peranan yang penting dalam mengujudkan strategi keselamatan baru di Eropah. Beliau juga menyatakan bahawa NATO harus memperbaharui langkah dalam keselamatan rantau Eropah dan menambah peranannya yang sedia ada.

Keith Dunn & Stephen Flangan (1990)¹³ menjelaskan komponen-komponen di dalam perhimpunan pakatan NATO. Disamping itu beliau juga membincangkan idea-idea untuk bentuk baru pakatan NATO dalam menghadapi situasi era 1990an. Ia juga menjelaskan mengenai keselamatan menyeluruh dan kepentingan konsep pakatan untuk membantu Eropah mencapai matlamat keselamatannya.

¹⁰ Stephen M. Walt, *The Origins at Alliances*, Cornell University Press, 1987.

¹¹ Robert Enchocott Osgand, *NATO: The Entangling Alliance*, The University Of Chicago Press, 1962

¹² Sir Bernard Burrows, *The Security Of Western Europe London* : Charles Knight & Co. Ltd 1972

¹³ Keith Dunn & Stephen Flangan, *NATO in the fifth Decade*, Not Defense On Press, 1990

Stanley R. Sloan (1983)¹⁴ menjelaskan bahawa Eropah harus mengambil kira peristiwa-peristiwa yang telah mengubah sistem Soviet Union dan polisi Moscow selama 20 tahun. Negara-negara Eropah pada masa hadapan harus merancang peranan NATO dan kemungkinan mengeluarkan tentera Amerika Syarikat daripada Eropah Barat.

Deutschland (Jun 1996)¹⁵ menjelaskan bahawa perlunya ada kajian tentang kuasa tentera dan nuklear. Strategi ketenteraan dan kewibawaan dalam menentukan politik antarabangsa. Pakatan dalam NATO dilihat dalam situasi yang aman dan keperluan untuk merapatkan lagi pakatan, politik dalam situasi perang dan penggunaan kaedah diplomasi.

Frederick A. Drager (1960)¹⁶ menjelaskan bahawa negara-negara ahli NATO mengharapkan agar kedaulatan negara mereka tidak terancam. Dalam situasi baru ini, keselamatan menjadi pelengkap dan tolak ansur dalam pakatan negara-negara Eropah memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan NATO. Negara-negara Eropah sedang bersiap sedia untuk menjadikan elemen ekonomi Eropah sebagai agensi di bawah NATO. Pendekatan yang radikal dan pengkhususan kepada fungsi antara negara-negara dan institusi baru akan dibincangkan dalam persidangan antara negara tetap ahli NATO. Beberapa penyelesaian dan jawapan terhadap cabaran dan implikasi diselesaikan melalui rundingan yang dianjurkan oleh persidangan NATO.

Arlene Idol Broadhurst (1982)¹⁷ pula menekankan 4 perkara penting iaitu perspektif keselamatan Eropah, NATO, Perjanjian Warsaw dan sumber-sumber

¹⁴ Stanley R. Sloan, NATO's Future Toward A New Transatlantic Bagain , Not Defense On Press .1985.

¹⁵ Deutschland No.3 Jun 1996.

¹⁶ Frederick A. Drager , NATO in The 60's New York 1960

¹⁷ Arlene Idol Broadhurst, The Future Of European Alliance System, US : Westview Press, 1982

peruntukan untuk pertahanan sebagai rangka kerja pendekatan dalam pakatan. Beliau juga menjelaskan masalah-masalah semasa dibincangkan antara negara-negara pakatan bagi mencari idea mengekalkan keselamatan Eropah.

Pakatan keselamatan akan terbentuk apabila dua atau lebih dari dua buah negara mengambil keputusan dasar luar untuk menggabungkan keupayaan pertahanan mereka dengan negara-negara lain yang menghadapi masalah pertahanan yang sama. Ringkasnya, jika negara B mempunyai persepsi bahawa negara A merupakan pihak yang dapat mengancam keselamatannya, negara B akan didorong oleh perasaan takut dan 'insecurity' untuk menganggotai sebuah pakatan keselamatan yang dapat meningkatkan kekuatan pertahanannya.¹⁸

Negara-negara yang menganggotai sebuah pakatan biasanya tidak mencapai sesuatu objektif, melindungi diri mereka atau menghadapi ancaman dari negara luar tanpa bantuan dari negara lain. Oleh itu *raison d'etre*¹⁹ atau matlamat asas sesebuah pakatan keselamatan adalah untuk mencapai matlamat *deterrence*.²⁰ Konsep 'deterrence' sebenarnya adalah berasal dari pepatah Rom yang berbunyi "*Si Vis pacem, para bellum*", yang membawa makna bahawa jika suatu pihak itu ingin menikmati keamanan, pihak itu mestilah bersedia berperang.²¹ Oleh itu untuk mencapai 'deterrence', maka pembentukan pakatan keselamatan dan bantuan bersama adalah amat perlu.

¹⁸ William C. Osgood, the theory and Practice of International Relations.

¹⁹ *Raison d'etre* – bermakna 'reason for existence' (of an entity).

²⁰ 'Deterrence' merupakan keupayaan untuk menghalang sesuatu yang tidak diinginkan dari berlaku. Menurut Morgan, "A policy of deterrence is a calculated attempt to induce an adversary from doing something, by threatening a penalty for non compliance" (Morgan, 1977 hlm 18)

²¹ Stephen, M. Walt, The Origins of Alliance, New York: A Knopf. Inc. 1987 hlm 28

Dalam mendefinisikan Pakatan, terdapat beberapa orang sarjana yang cuba melihatnya daripada pelbagai sudut. Menurut Schleicher,

*“Typically it (a military alliance) is a commitment among two or more states formalized by a legal binding international agreement to come to another’ at in the advent of certain specified action by an outside state or states. The casus foeder i.e the action or event which calls for the allies to fulfill their commitments, always include military action, as does the commitment”*²²

K.J Holsti pula berpendapat bahawa,
*...allince strategies are closely linked to domestic needs*²³ ... *Common perceptions of threat and widespread attitude of insecurity are probably the most frequent source of alliance strategies.*²⁴

Manakala bagi Liska, pakatan adalah *“The sense of immunity may consolidate alliance; it rarely alliance is in large part the consequence of conflicts with adversaries...”*²⁵

²² Schleicher, International relations : cooperation and conflict prentice – Hall ,1962.

²³ Ibid.

²⁴ Holsti, K.J. International Relations A Framework of Analysis New Jersey : Prentice – Itall. Inc. 1972

²⁵ George Liska, Nations Alliance, Hapkins University Press, 1968 hlm 12

1.7. PEMBAHAGIAN BAB

Dalam membincangkan tajuk ini sebanyak lima bab telah di pecahkan seperti berikut :-

Bab pertama memberikan penekanan kepada pengenalan kepada keseluruhan kajian. Ia memberi penumpuan terhadap konsep keselamatan, penyataan masalah, objektif kajian, metodologi kajian dan batasan kajian.

Bab kedua akan memberi fokus terhadap NATO dan keselamatan Eropah semasa perang dingin. Ia meliputi keadaan keselamatan Eropah selepas Perang Dunia ke-Dua, pembentukan NATO, struktur dan pengurusan NATO, peranan NATO dalam menjamin pertahanan dan keselamatan Eropah.

Bab ketiga pula akan menekankan aspek berkaitan fungsi dan peranan NATO Pasca Perang Dingin. Penekanan akan diberikan terhadap perubahan politik dan keselamatan Eropah selepas keruntuhan USSR, pertubuhan-pertubuhan dalam NATO, masalah-masalah keselamatan yang akan dihadapi, aktiviti serta sumbangan NATO dalam keselamatan Eropah.

Bab keempat akan membuat analisis-analisis secara pragmatik mengenai kemampuan NATO dalam menjamin keselamatan Eropah Pasca Perang Dingin. Bab ini akan menyentuh secara terperinci dalam soal kerjasama, kemampuan, kesepakatan dan juga peranan yang dimainkan oleh Amerika syarikat.

Kesimpulan berkaitan dengan tajuk ini ialah dengan mengemukakan kupasan-kupasan secara ilmiah dengan rumusan yang dikemukakan diharap mampu memberi input kepada pembaca.